

87

SOALAN NO. : 38

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah punca kelewatan projek Tebatan Banjir Barat yang sering menyebabkan berlakunya banjir dan apakah tindakan yang di ambil.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman, kelewatan projek Tebatan Banjir Lencongan Banjir Barat (LLB) disebabkan oleh beberapa faktor antaranya seperti berikut;

i. **Penjajaran Semula Channel**

Semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan oleh pihak kontraktor, didapati terdapat sebuah bukit kecil yang terletak di tengah laluan jajaran asal terusan. Bagi mengelakkan peningkatan kos yang ketara, jajaran asal berkenaan telah dipinda sepanjang 100 meter.

ii. **Pindaan Reka Bentuk *Under Drainage Control* (UDC) dan *Drainage Control* (DC)**

Perubahan reka bentuk *Under Drainage Culvert* dan *Drainage Control* daripada *single culvert* kepada *twin culvert* masing-masing berukuran 1500mm dan 1200mm adalah disebabkan *single culvert* yang direka bentuk pada peringkat awal tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak terutama pada waktu hujan yang boleh mengakibatkan air memasuki kawasan penduduk setempat.

iii. **Isu Pengambilan Balik Tanah berkenaan Rumah Penduduk Di Lot PT5160**

Semasa pelaksanaan projek, 2 buah rumah penduduk di Lot PT 5160 telah dikenalpsati untuk dibuat pengambilan tanah untuk pembinaan *channel*. Pihak kontraktor menghadapi kesukaran untuk melakukan

kerja-kerja letupan terkawal batuan kerana jarak terlalu hampir dengan rumah berkenaan atas faktor keselamatan penduduk. Dalam perkara ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah berusaha melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan kerajaan Negeri Perlis untuk mempercepatkan urusan pengambilan.

iv. **Reka Bentuk Baru Penstabilan Cerun**

Hasil daripada kerja letupan dan korekan yang telah dijalankan, kawasan *Channel Type 2A* dan 3 di antara CH 3050 sehingga CH 3300 adalah struktur batuan yang lemah dan tidak sesuai untuk menggunakan kaedah *concrete lining*. Pindaan reka bentuk baru memerlukan pembinaan *Reinforce Concrete Wall* di kawasan batuan lemah di sepanjang jajaran tersebut.

v. **Pengukuhan Cerun Bukit Wai**

Pindaan reka bentuk pada pengukuhan cerun kawasan Bukit Wai (CH2 750 – CH3 050) kerana struktur batuan yang tidak seragam, sekata dan pelbagai bentuk. Justeru itu, pihak perunding telah menjalankan kajian terperinci serta mengenalpasti beberapa kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah kestabilan cerun mengikut kesesuaian permukaan batuan berikutan kepelbagaian struktur batuan. Pihak JPS sedang memantau dengan rapi di tapak pembinaan supaya pihak kontraktor dapat melaksanakan kaedah penstabilan cerun yang telah dikenalpasti oleh pihak perunding.

Perancangan dan langkah penyelesaian JPS

Pihak JPS sedang merangka Pelan Khas untuk memastikan Pakej 3A dan 3 dapat disiapkan dengan secepat mungkin supaya kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat setempat dapat diatasi dengan segera. Antara langkah penyelesaian jangka pendek yang akan diambil oleh pihak JPS adalah seperti berikut:

- i. Menyiapkan kerja-kerja pembinaan jambatan dalam tempoh 3 bulan oleh pihak kontraktor termasuk kerja-kerja utiliti yang terlibat.
- ii. Jalan dikorek dan dipasang pembentung (*culvert*) mengikut bukaan lengcongan yang mencukupi bagi membolehkan air di dalam lengcongan mengalir dari hulu ke Kuala Perlis seperti sedia kala tanpa halangan.
- iii. Saluran LBB sepanjang 100m sedalam 3m akan diletupkan dan dikorek sehingga mencapai kedalaman sebagaimana dalam rekabentuk.
- iv. MTB No. 1 akan disiapkan dalam tempoh 3 bulan bagi membolehkan jalan sedia ada dikorek selebar 120m dan kedalaman 6m.

Sekian, terima kasih.